

ANALISIS PADANAN PERKATAAN AL-KHIANAH DALAM TERJEMAHAN MELAYU (KHIANAT) BAGI NOVEL AL-LISS WA AL-KILAB KARYA NAGUIB MAHFOUZ
ANALYSIS OF THE MATCHING WORD FOR AL-KHIANAH IN THE MALAY TRANSLATION IN THE NOVEL AL-LISS WA AL-KILAB BY NAGUIB MAHFOUZ

Nurhasma Muhamad Saad^{1*}, Wan Moharani Mohammad², Muhammad Marwan Ismail³, Yuslina Mohamed⁴.

¹ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, nurhasma@usim.edu.my.

² Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, moharani@usim.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, marwanismail@usim.edu.my

⁴ Profesor Madya, Universiti Sains Islam Malaysia, yuslina@usim.edu.my

* Penulis Penghuung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembedulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

Abstrak

Terjemahan sesuatu karya bahasa Arab ke bahasa Melayu bukanlah perkara mudah. Perterjemah pasti menghadapi banyak cabaran dan kesukaran untuk menghasilkan karya sasaran yang bermutu tinggi setanding dengan karya sumber. Salah satu perkara penting dalam terjemahan ialah penterjemah perlu menitik berat padanan makna kerana suatu padanan makna mempunyai kosa kata dan leksikal yang berbeza apabila digunakan dalam konteks situasi yang berlainan. Makna perkataan bukan sahaja dipengaruhi oleh kedudukannya dalam ayat tetapi juga bergantung dalam laras bidang yang menggunakan frasa atau perkataan tersebut. Justeru, makalah ini menganalisis padanan perkataan *al-khianah* dalam terjemahan Melayu bagi novel *al-Liss wa al-Kilab* karya Naguib Mahfouz. Analisis ini memanfaatkan prosedur terjemahan Vinay & Darbelnet. Didapati bahawa perkataan *al-khianah* dan derivasinya diterjemahkan dengan beberapa makna yang bersesuaian dengan konteks bahasa sasaran (Melayu). Diharapkan kajian seperti ini dapat meningkatkan lagi ketepatan terjemahan Arab – Melayu.

Kata kunci

terjemahan, padanan kata, novel, al-Liss wa al-Kilab, Naguib Mahfouz.

Abstract

Translation of Arabic language into Malay is not easy. Translators have to face many challenges and difficulties in producing high-quality target works on par with the source's work. One of the important points in translation is that the translator needs to emphasize on the importance of selecting matching meaning, because the aspect of lexical of a word is different when used in the context of different situations. The meaning of a word is not only affected by its position in a sentence but also depends on the field of knowledge that uses the phrase or the word. Thus, this paper analyzes the matching word for *al-khianah* in the Malay translation in the novel *al-Liss wa al-Kilab* by Naguib Mahfouz. This analysis benefits from the Vinay & Darbelnet translation

procedure. It is found that the word *al-khianah* and its derivation are translated with several meanings that correspond to the context of the target language (Malay). It is hoped that such studies will further improve the accuracy of Arabic-Malay translations.

Keywords

Translation, cohesion of translation, novel, al-Liss wa al-Kilab, Naguib Mahfouz.

1.0 Naguib Mahfouz

Naguib Mahfouz ialah seorang novelis Arab Mesir yang prolific. Beliau dilahirkan pada 11 Disember tahun 1911 di *al-Jamaliyyah*, sebuah penempatan di pinggir kota Kaherah. Beliau lahir dalam keluarga Islam kelas pertengahan dan merupakan anak bongsu daripada tujuh bersaudara dalam sebuah keluarga yang terdiri daripada lima lelaki dan dua perempuan. Pada awalnya keluarga ini tinggal di *al-Jamaliyyah*, kemudian berpindah ke *al-Abbasiyyah*, Kaherah pada tahun 1924. Di sinilah kebanyakan latar tempat hasil karya beliau. Bapanya, Mahfouz disifatkan sebagai seorang yang berfikiran kolot, adalah seorang penjawat awam. Pada zaman kanak-kanaknya, Naguib banyak membaca. Ibunya sering membawa beliau ke muzium sejarah Mesir, yang kemudian menjadi satu tema utama dalam kebanyakan karya beliau.

Selepas menyempurnakan pendidikan menengah beliau, Naguib Mahfouz memasuki Universiti Raja Fouad I, kini dikenali sebagai Universiti Kaherah dalam jurusan falsafah. Pada tahun 1936, beliau menyambung pengajian di peringkat sarjana. Seterusnya, beliau memutuskan untuk menjadi penulis profesional. Selanjutnya, Naguib Mahfouz menjadi wartawan di *Akhbar al-Risalah* dan menyumbang artikel di *al-Hilal* dan *al-Ahram*. Masyarakat Mesir sangat meminati rencana beliau khususnya idea-idea sains dan sosialisme dalam 1930-an seperti tulisan Salama Moussa. Naguib sangat menyokong semangat nasionalisme Mesir dalam kebanyakan karyanya.

Naguib Mahfouz merupakan novelis dan cerpenis tersohor di rantau Arab. Malah beliau adalah salah seorang penulis kreatif teragung dalam perkembangan novel dunia. Beliau mula menulis novel pada tahun 1940-an. Pada tempoh masa pertama penulisan novel, beliau menulis novel-novel romantik yang bersumberkan sejarah Mesir lama seperti *Kifah Thiba* (1944), *Radoubiez* (1943), *Abats al-Aqdar* (1939) dan lain-lain. Pada tempoh masa berikutnya, Mahfouz mula menulis novel-novel realistik yang mengambil latar tempat kawasan lama kota Kaherah seperti *Khan al-Khalili* (1946), *Zuqaq al-Midaq* (1947), triloginya yang masing-masing berjudul *Bain al-Qasrain*, *Qasru al-Syawq* dan *al-Sukriyah* (1957) serta banyak novel lainnya yang kesemuanya nama tempat dengan lorong-lorong yang khas.

Pada tempoh masa selanjutnya, sasterawan dan novelis lepasan Universiti Kaherah ini beranjak menulis novel-novel simbolis dan filosofis seperti *al-Liss wa al-Kilab* (1961), *al-Summan wa al-Kharif* (1962) dan karya lainnya hingga yang terakhir masih dimuatkan dalam akhbar *al-Ahram* (1989). Pada tahun 1988, beliau telah memenangi Hadiah Nobel Kesusasteraan. Beliau meninggal dunia pada 30 Ogos 2006 semasa berumur 94 tahun.

2.0 Novel *al-Liss wa al-Kilab*

Novel *al-Liss wa al-Kilab* dianggap sebagai novel yang mencetus satu era baru dalam karya Naguib Mahfouz. Novel yang berteraskan monolog dan arus kesedaran, yang memaknakan aliran pemikiran yang berterusan dalam minda manusia tentang persepsi, falsafah, ingatan yang ada hubungkait dengan pandangan hidup, malah merangkumi ikhtiar untuk terus hidup (Fatimah, 2003). Novel ini diterbitkan buat kali pertama pada tahun 1961 seterusnya diulang cetak oleh pelbagai penerbit. Menurut Syukri Ayyad (1967), novel *al-Liss Wa'l Kilab* merupakan satu karya besar yang menonjolkan Naguib Mahfouz selepas menghasilkan triloginya iaitu *Bayna al-Qasrayn*, *Qasr al-Shawq* dan *al-Sukriyah* pada tahun 1957. Novel ini diakui oleh para pengkritik sastera sebagai karya terbaik yang ditulis pada awal tahun 60-an. (Musa, 1993)

Novel *al-Liss wa al-Kilab* ini terdiri daripada 18 bab kesemuanya. Setiap bab tidak mempunyai tajuk tertentu, hanya ditulis bab pertama sehinggalah bab kelapan belas. Novel ini diterbitkan oleh Maktabah Misr di Kaherah setebal 143 halaman.

Novel karya Naguib Mahfouz ini mengisahkan pergelutan seorang pencuri yang juga bekas banduan dalam menghadapi pengkhianatan hampir semua orang di sekelilingnya, termasuk perempuan yang paling dia cintai, bekas isterinya Nabawiyah. Bagaimanapun, watak utama dalam karya yang berlatarkan kota Kaherah pasca-revolusi ini merasa paling dikhianati oleh seorang tokoh 'pembela rakyat' yang disanjungnya iaitu Rauf Ilwan.

Novel *al-Liss wa al-Kilab* berkisar di sekitar watak utama bernama Said Mahran, dan dimulai dengan keluarnya Said Mahran dari dalam penjara. Namun bukan bermaksud keseluruhan cerita tentang Said Mahran. Sekalipun penulis menggambarkan keluar penjara dengan ayat "Sekali lagi dia dapat menghirup udara kebebasan meskipun dalam suasana penuh debu dan panas berbahang". (Naguib, 1961). Kisah ini bukan mengenai kebebasan. Justeru sebaliknya tentang dendam kesumat atas suatu pengkhianatan. Murka yang kemudiannya menjadi dendam memburuk di dalamnya, di mana harus ada jalan untuk keluar. Said mahran, seorang lelaki yang melangkah keluar dari gerbang penjara ke dalam dunia yang telah mengejeknya. Penderitaan, kebencian dan dendam yang sebenarnya adalah tentang pengkhianatan; dari sahabat, guru dan bekas isterinya.

Novel *al-Liss wa al-Kilab* ini diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan judul "Khianat" oleh Mohamad Hilmi Marjunit dan diterbitkan oleh IDBE Ilham Sdn Bhd, Selangor pada tahun 2020.

3.0 Metodologi

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah deskriptif analisis leksikologi morfologi iaitu analisis perkataan *al-khianat* dalam novel "*al-Liss wa al-Kilab*" karya Naguib Mahfouz yang diterbitkan pada tahun 1961 oleh *Maktabah Misr* di Kaherah dan teks terjemahan iaitu "*Khianat*" yang diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Mohamad Hilmi Marjunit yang diterbitkan oleh IDBE Ilham Sdn Bhd, Selangor pada tahun 2020.

Data berkaitan dengan *al-khianah* dianalisis berdasarkan makna leksikal dan struktur morfologi yang terdapat dalam penggunaan perkataan itu. Kajian ini terbatas kepada perkataan *al-khianah* yang terdapat dalam novel ini. Kemudian, data kajian dianalisis dengan memanfaatkan kaedah terjemahan yang dikemukakan oleh Vinay & Darbelnet (1958/1995). Mereka mengklasifikasikan prosedur terjemahan kepada dua

iaitu 'terjemahan langsung' (*direct translation*) dan 'terjemahan tidak langsung' (*oblique translation*) (Idris 2016:61, Vinay & Darbelnet 1995).

4.0 Definisi khianat

Menurut Kamus Besar Arab – Melayu Dewan (2006) perkataan **خيانة** berasal daripada kata dasar **خان (خون)** yang bermaksud: 1. Mengurangkan. 2. Mengkhianati kebenaran, mengkhianati janji. 3. Mencabul (amanah). 4. Mengkhianati. 5. Tidak ikhlas memberi nasihat. 6. Lemah. 7. Memandang serong. Pelakunya ialah **خائن** (maskulin) dan **خائنة** (feminin). Definisi khianat berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) pula ialah 1. Perbuatan jahat yang bertujuan untuk menganiaya atau mendatangkan kecelakaan pada orang lain, tipu daya, perbuatan belot atau tidak setia kepada negeri, bangsa dan lain-lain. Orang yang berbuat khianat iaitu adalah orang yang sangat hina. 2. Yang bertujuan menganiaya atau mencelakan dan sebagainya orang lain, yang belot kepada negara. Perbuatan khianat orang; orang khianat orang yang melakukan perbuatan khianat. Berkhianat berbuat khianat. Mengkhianati berbuat khianat kepada, mencelakakan, memperdaya, membelot terhadap, tidak setia kepada, dengan memihak kepada musuh. Pengkhianatan perihal (perbuatan, tindak tanduk dsb) mengkhianati, perbuatan khianat. Pengkhianat; orang yang berbuat khianat, orang yang belot, orang yang tidak setia kepada negara (ketua dll). Orang khianat; orang yang melakukan (perbuatan) khianat.

Terdapat perkataan lain yang memberi maksud khianat dalam bahasa Melayu seperti curang, dusta dan belot. Dalam Kamus Dewan (2005) perkataan curang bermaksud tidak lurus hati, tidak jujur, khianat mencurangi. Berlaku atau berbuat curang kepada. Kecurangan perbuatan atau hal curang: sifat curang. Manakala pendustaan; bermaksud perihal mendustai dan pembohongan. (Kamus Dewan, 2005). Perkataan belot, berbelot, membelot 1. Berpihak kepada musuh (menderhaka) 2. Berlaku tidak setia (tidak jujur). Pembelotan: perbuatan membelot dan penderhakaan. Pembelot; orang yang mengkhianati orang lain. (Kamus Dewan, 2005)

5.0 Analisis dan Perbincangan

Perkataan *al-khianah* dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* dapat dibahagikan kepada beberapa kategori seperti kata kerja kala lampau (**خان، خانت**), kata kerja kala kini (**تخون**), kata nama terbitan (**خيانة**), kata nama pelaku (**خائن، خائنة**), kata nama perbandingan (**أخون**). Dalam kajian ini hanya satu sampel sahaja dipilih bagi mewakili setiap kategori untuk dianalisis seperti berikut:

5.1 Kata kerja kala lampau (*fiil madi*)

Fiil Madi dari segi bahasa ialah kata kerja kala lampau yang membawa maksud suatu kata kerja yang menunjukkan masa lampau atau lepas. Didapati bahawa hanya terdapat dua perkataan *al-khianah* yang digunakan dalam bentuk kata kerja kala lampau seperti berikut:

| Teks Sumber (Arab) | Teks Terjemahan (Melayu) |
|--------------------|--------------------------|
|--------------------|--------------------------|

| | |
|--|---|
| <p>أم هو الآخر قد <u>خان</u> وغدر؟ (<i>al-Liss wa al-Kilab</i>, Bab 1, ms14)</p> | <p>Adakah Said turut khianat dan belot? (<i>Khianat</i>, Bab 1, ms 23)</p> |
|--|---|

Berdasarkan contoh di atas, dapat dilihat bahawa penterjemah perlu memilih perkataan yang sesuai mengikut keadaan untuk menggantikan perkataan dalam bahasa sumber mengikut konteks kesesuaian situasi penggunaannya. Perkataan **خان** ialah kata kerja kala lampau. Ia diterjemahkan secara literal ke bahasa Melayu iaitu khianat dalam bentuk kata kerja, pelakunya adalah orang ketiga dan tunggal.

| Teks Sumber (Arab) | Teks terjemahan (Melayu) |
|---|--|
| <p>أنكرتني ابنتي، وجفلت مني كأني شيطان، ومن قبلها <u>خانتني</u> أمها! (<i>al-Liss wa al-Kilab</i>, Bab 2, ms25)</p> | <p>“Anak perempuan saya tidak mahu menerima saya, kemudian dia lari pula daripada saya seolah-olah saya ini syaitan. Bahkan sebelum itu, ibunya mengkhianati saya!” (<i>Khianat</i>, Bab 2, ms37)</p> |

Berdasarkan contoh di atas, dapat dilihat bahawa penterjemah perlu memilih perkataan yang sesuai mengikut keadaan untuk menggantikan perkataan dalam bahasa sumber mengikut konteks kesesuaian situasi penggunaannya. Perkataan **خانتني** ialah kata kerja kala lampau. Ia diterjemahkan secara literal ke bahasa Melayu iaitu khianat dalam bentuk kata kerja, namun kata ganti pelakunya tidak diterjemahkan dengan feminin tunggal.

5.2 Kata kerja kala kini (*fiil mudari*)

Fiil Mudari’ adalah kata kerja kala kini yang menunjukkan suatu perbuatan yang dilakukan pada masa sekarang dan yang dilakukan pada masa yang akan datang. Didapati bahawa hanya terdapat satu perkataan *al-khianah* yang digunakan dalam bentuk kata kerja kala kini iaitu pada ayat berikut:

| Teks Sumber (Arab) | Teks Terjemahan (Melayu) |
|--|--|
| <p>ولكن رغم ذلك فنور لن <u>تخونه</u>، ولن تسلمه إلى البوليس طمعا للمكافأة. (<i>al-Liss wa al-Kilab</i>, Bab 16, ms123)</p> | <p>Tetapi Nur sama sekali tidak akan mengkhianati Said dan tidak akan menyerahkannya kepada polis kerana tamakkan ganjaran. (<i>Khianat</i>, Bab 16, ms174)</p> |

Kata kerja “ تخونه ” yang bererti “dia (feminin) mengkhianatinya (Said)”. Jadi perkataan ini diterjemahkan secara literal ke bahasa Melayu iaitu mengkhianati dalam bentuk kata kerja kala kini. Namun terdapat pengurangan dalam terjemahan bahasa Melayu iaitu kata ganti nama diri ketiga feminin tunggal yang terdapat dalam kata kerja bahasa Arab tidak diterjemahkan.

5.3 Kata nama terbitan (*masdar*)

Maşdar atau diterjemahkan sebagai kata terbitan. *Maşdar* atau kata terbitan ini berpunca dari kata kerja صدر yang memberi maksud keluar atau sumber. Menurut al-Sayyid Ahmad al-Hāshimī dalam kitab *al-Qawāid al-Asāsiyyah Lilughati al-Arabiyyah* (1989) *maşdar* bermaksud sesuatu perkara yang menunjukkan satu kejadian yang sunyi dari menunjukkan waktu atau masa, iaitu asal bagi himpunan segala derivasi. Abd al-Ghaniy al-Duqr (1986) mendefinisikan *maşdar* ialah kata nama yang menunjukkan perbuatan sahaja. Manakala Fakhr ad-Dīn Qabawat (1988) menjelaskan definisi *maşdar* ialah kata nama yang menunjukkan perbuatan yang tidak terikat dengan masa.

Didapati terdapat sebanyak 14 kata nama terbitan (*masdar*) الخيانة dalam novel *al-Liss wa al-Kilab*.

5.3.1 Bentuk *nakirah*

| Teks Sumber (Arab) | Teks terjemahan (Melayu) |
|--|---|
| وهي المسئولة عما عانى من خيانة وجحود وضياع جهد العمر سدى. (<i>al-Liss wa al-Kilab</i> , Bab 2, ms22) | Adatlah yang menyebabkan dia merasai pengkhianatan , kedegilan, dan kehilangan sebahagian umurnya. (Khianat, Bab 2, ms35) |

Dalam ayat di atas, perkataan (خيانة) merupakan kata nama terbitan dari perkataan asal (خان) yang berbentuk *nakirah*. Penterjemah memadankan perkataan (خيانة) dengan perkataan “pengkhianatan” umum dan tidak tertentu.

| Teks Sumber (Arab) | Teks Terjemahan (Melayu) |
|--|--|
| خيانة لئيمة لو اندك المقطم عليها دكا ما شفيت نفسي. (<i>al-Liss wa al-Kilab</i> , Bab 4, ms37) | Suatu pengkhianatan yang sangat durjana sehinggakan jika seluruh Bukit Muqattan terjungkir dan menimbus pengkhianatan tersebut sekalipun, aku tetap tidak berpuas hati. |

| | |
|--|------------------------|
| | (Khianat, Bab 4, ms37) |
|--|------------------------|

Dalam ayat di atas, perkataan (خيانة) merupakan kata nama terbitan dari perkataan asal (خان). Penterjemah memadankan perkataan (خيانة) dengan perkataan “pengkhianatan”. Perkataan (خيانة) ini didatangkan dengan kata adjektif (لئيمة) yang diterjemahkan sebagai “yang sangat durjana” sesuai dan sepadan dengan teks sumber bahasa Arab.

5.3.2 Bentuk *ma’rifah* dengan *alif* dan *lam* (ال)

| Teks Sumber (Arab) | Teks terjemahan (Melayu) |
|--|---|
| وتؤكد أن <u>الخيانة</u> باتت مؤامرة صامتة (<i>al-Liss wa al-Kilab</i> , Bab 15, ms120) | Engkau mesti tegaskan yang <u>pengkhianatan ini</u> sudah menjadi kospirasi senyap. (Khianat, Bab 15, ms169) |

Dalam ayat di atas, perkataan (الخيانة) merupakan kata nama terbitan dari perkataan asal (خان). Penterjemah memadankan perkataan (الخيانة) dengan perkataan “pengkhianatan ini” yang besesuaian dengan teks sumber bahasa Arab.

5.3.3 Bentuk *Idafah*

Idafah merupakan *tarkib idafiy*. *Idafah* menurut bahasa ialah *isnad* yang bermaksud penyandaran. Frasa ini adalah suatu bentuk penyandaran antara suatu kata dengan kata yang lain dan mempunyai hubungan dua kata nama yang membawa kepada satu maksud perkataan (Mubarak, 1987). Mempunyai dua elemen penting, iaitu *mudaf* (yang disandarkan) mewakili kata nama pertama dan *mudaf ilaiyh* (yang menyandarkan) mewakili kata nama kedua (Antoine al-Dahdah, 1992 dalam Ashinida 1998). *Idafah* bertujuan untuk memberi makna yang lebih khusus terhadap sesuatu perkataan.

| Teks Sumber (Arab) | Teks Terjemahan (Melayu) |
|--|--|
| ترى أتقر <u>بخيانتك</u> ولو بنك وبين نفسك أو خدعتها كما تحاول خداع الآخرين؟ (<i>al-Liss wa al-Kilab</i> , Bab 4, ms37) | Aku tertanya-tanya pernahkah engkau akui hatta kepada dirimu sendiri bahawa <u>engkau pernah mengkhianati aku</u> . Mungkin juga engkau sudah memperdaya diri engkau sendiri sebagaimana banyaknya cubaan engkau memperdaya orang lain. (Khianat, Bab 4, ms58) |

Dalam ayat ini, perkataan (خيانة) merupakan masdar (kata terbitan) dari perkataan asal (خان). Frasa (بخيانتك) adalah frasa *idafah* yang terdiri daripada perkataan (خيانة), iaitu *mudaf* dan *damir* (ك) الكاف menunjukkan *mudaf ilaiyh*. Penterjemah memadamkan frasa بخيانتك dengan “engkau pernah mengkhianati aku” manakala cadangan padanan frasa tersebut ialah “dengan pengkhianatan engkau”.

5.4 Kata nama bandingan (*ism tafdil*)

Ism al-Tafdil ialah kata nama yang dibentuk daripada kata kerja dengan menggunakan pola kata أفعل bagi maskulin dan pola kata فعلى bagi feminin, untuk menunjukkan sesuatu yang berkongsi sifat yang sama pada sesuatu benda dan salah satu di antaranya melebihi yang lain. (Muhammad, 2000). Pembentukan *ism al-tafdil* menggunakan pola kata أفعل, iaitu terdapat penambahan huruf alif / / di pangkal kata asal. Penambahan huruf tersebut telah memberikan perubahan makna iaitu menunjukkan makna perbandingan antara dua perkara.

| Teks Sumber (Arab) | Teks Terjemahan (Melayu) |
|---|--|
| <p>كذلك أنت يا رؤف، لا أدري أيكما أخون من الآخر، ولكن ذنبك أفضع يا صاحب العقل والتاريخ، أتدفع بي إلى السجن وتثب أن إلى قصر الأنوار والمرايا.</p> <p>(<i>al-Liss wa al-Kilab</i>, Bab 4, ms37)</p> | <p>Sama saja dengan engkau, Rauf. Aku tidak tahu siapa lebih khianat tetapi aku tahu engkau paling bersalah justeru kelicikan engkau dan persahabatan kita berdua dulu menyebabkan aku dihumban ke dalam penjara, sedangkan engkau terlepas bebas dan bersenang-lenang dalam istana kaca dan cahaya itu.</p> <p>(<i>Khianat</i>, Bab 4, ms59)</p> |

Dalam ayat di atas mengandungi *ism tafdil* (أخون) yang dibentuk daripada kata dasar (خان). *Ism tafdil* ini berbentuk komparatif yang bermaksud “lebih khianat”. Ia diterjemahkan secara literal ke bahasa Melayu iaitu lebih khianat. Didapati terjemahan ini bersesuaian dengan teks sumber bahasa Arab yang berbentuk komparatif.

5.5 Kata nama pelaku (*ism al-fail*)

Ism fail ialah satu kata nama yang dibentuk daripada kata kerja ragam aktif untuk menunjukkan pelaku bagi sesuatu perbuatan. Contoh perkataan كَاتِبٌ artinya: penulis, adalah *ism fail* iaitu menunjukkan siapa yang melakukan perbuatan menulis. (Abduh al-Rajihyy, 1999). Pembentukan *ism fail* boleh dibentuk daripada *fiiil* tiga huruf dan juga

fiil yang bukan tiga huruf, sama ada *fiil-fiil* tiga huruf yang terdapat penambahan huruf atau *fiil* yang terdiri daripada empat huruf dan terdapat penambahan huruf.

5.5.1 Pelaku tunggal maskulin

| Teks Sumber (Arab) | Teks Terjemahan (Melayu) |
|---|--|
| <p>التبتل على أي حال خير من الخائن، بسبب <u>خائن</u> دخلت السجن يا معلم طرزان (<i>al-Liss wa al-Kilab</i>, Bab 5, ms46)</p> | <p>“Sekurang-kurangnya seorang pemalas lebih baik daripada <u>seorang pembelot</u>. Bang Tarzan, kerana <u>pembelot</u>lah aku meringkuk dalam penjara! (Khianat, Bab 5, ms71)</p> |

Perkataan (الخائن، خائن) ialah kata nama pelaku tunggal maskulin. Ia diterjemahkan secara literal ke bahasa Melayu seorang pembelot. Menurut Kamus Dewan (2005) perkataan pembelot bermaksud orang yang mengkhianati orang lain. Ini menunjukkan bahawa perkataan pembelot boleh menjadi padanan kepada perkataan pengkhianat. Didapati bahawa terjemahan perkataan ini sesuai kerana perkataan seorang pembelot mengandungi kesemua makna semantik yang terkandung dalam perkataan (الخائن) iaitu makna khianat (belot), kata nama pelaku dan kata tunggal.

5.5.2 Pelaku tunggal feminin

| Bahasa Sumber (Arab) | Bahasa Sasaran (Melayu) |
|---|--|
| <p>قلبك الذي كان ملكا خالصا للخائنة (<i>al-Liss wa al-Kilab</i>, Bab 9, ms75)</p> | <p>Hati Said pada masa itu telah menjadi milik mutlak <u>si betina curang</u>. (Khianat, Bab 9, ms110)</p> |

Perkataan (الخائنة) ialah kata nama tunggal pelaku feminin. Ia diterjemahkan secara literal ke bahasa Melayu si betina curang. Menurut Kamus Dewan (2005) perkataan curang bermaksud tidak lurus hati, tidak jujur, khianat. Ini menunjukkan bahawa perkataan curang itu boleh menjadi padanan bagi perkataan khianat. Didapati bahawa terjemahan perkataan ini sesuai kerana perkataan seorang pembelot mengandungi kesemua makna semantik yang terkandung dalam perkataan (الخائنة) iaitu makna khianat (curang), kata nama pelaku feminin dan kata tunggal.

5.5.3 Pelaku jamak

| Teks Sumber (Arab) | Teks Terjemahan (Melayu) |
|---|---|
| <p>أَنَّ لِلغُضْبِ أَنْ يَنْفَجِرَ وَأَنْ يَحْرُقَ، وَاللَّخُونَةَ أَنْ يَيْأَسُوا حَتَّى الْمَوْتِ، وَاللَّخِيَانَةَ أَنْ تَكْفُرَ عَنْ سِحْنَتِهَا الشَّائِئَةَ</p> <p>(<i>al-Liss wa al-Kilab</i>, Bab 1, ms7)</p> | <p>Kini tibalah masa untuk kemarahannya meletus lalu membakar sehinggakan para pengkhianatnya berasa sesal menuju ketibaan ajal, bahkan pengkhianatan akan memakan diri mereka kembali.</p> <p>(Khianat, Bab 1, ms11-12)</p> |

Perkataan (الخونة) ialah kata nama pelaku bentuk jamak bagi perkataan (خان). Ia diterjemahkan secara literal ke bahasa Melayu sebagai para pengkhianat. Didapati terjemahan ini sesuai kerana perkataan para pengkhianat mengandungi kesemua makna semantik yang terkandung dalam perkataan (الخونة) iaitu makna khianat, makna kata nama pelaku dan kata jamak.

Daripada analisis yang telah dijalankan ke atas sampel terpilih di atas, dapat dibincangkan beberapa kesimpulan berkaitan dengan penggunaan perkataan *al-khianah* serta terjemahan Melayu yang digunapakai dalam novel *al-Liss wa al-Kilab*.

Analisis mendapati bahawa perkataan *al-khianah* dalam novel ini digunakan dalam bentuk beberapa kategori perkataan iaitu kata kerja kala lampau (خان، خانت)، kata kerja kala kini (تخون)، kata nama terbitan (خيانة)، kata nama pelaku (أخون، خائن، خائنة).

Analisis turut mendapati bahawa di antara perkataan tersebut, ada yang diterjemahkan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan bentuk penggolongan perkataan yang sama. Sebagai contohnya perkataan (الخائن، خائن) yang merupakan kata nama pelaku dalam bahasa Arab diterjemahkan kepada “seorang pembelot” yang merupakan kata nama pelaku kepada perbuatan khianat dalam bahasa Melayu.

Manakala dalam konteks tertentu, perkataan tersebut diterjemahkan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan bentuk penggolongan perkataan yang berlainan. Sebagai contohnya frasa (خيانتك) terdiri daripada perkataan *khianah* dalam bentuk kata nama terbitan yang diidafatkan kepada kata ganti nama kedua bagi *anta* iaitu *ka*. Frasa ini diterjemahkan kepada “engkau pernah mengkhianati aku”. Dalam konteks ini, perkataan *khianah* tidak diterjemahkan dalam bentuk kata nama terbitan (sepertimana dalam bahasa sumber) bahkan ia diterjemahkan kepada perkataan daripada klasifikasi kata kerja iaitu “mengkhianati”. Terjemahan ini dilihat lebih sesuai dengan tatabahasa dan aturan bahasa Melayu.

Daripada segi leksikalnya pula didapati perkataan *al-khianah* atau derivasinya diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan beberapa asal perkataan antaranya “khianat”, “belot” dan “curang”.

6.0 Penutup

Berdasarkan analisis sampel kajian, didapati bahawa perkataan *al-khianah* dan derivasinya dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* yang diterjemahkan ke bahasa Melayu pelbagai bentuk seperti kata kerja kala lampau (*fiil madli*), kata kerja kala kini (*fiil mudari*), kata nama terbitan (*masdar*), kata nama perbandingan (*ism al-tafdiil*) dan kata nama pelaku (*ism al-fail*). Didapati bahawa di antara perkataan tersebut, ada yang diterjemahkan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan bentuk penggolongan perkataan yang sama. Manakala dalam konteks tertentu, perkataan tersebut diterjemahkan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan bentuk penggolongan perkataan yang berlainan. Secara umumnya dirasakan bahawa penterjemah telah menterjemahkan perkataan *al-khianah* dan derivasinya dengan baik dan tepat ke bahasa Melayu.

Rujukan

- Abd al-Ghaniy, D. (1986). Mukjam al-Nahw. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abduh, R (1999). al-Tatbiq al-Nahw. Beirut: Maktabah al-Maa’rif.
- al-Sayyid, A, H. (1989). al-Qawāid al-Asāsiyyah Lilughati al-Arabiyah. Iran: Dar al-Hijrah.
- Ashinida A. (1998). Kekeliruan antara Al-Idafat dan Al-Na’at di Kalangan Pelajar Melayu. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Petaling Jaya: Universiti Malaya.
- Fakr al-Din, Q. (1994). Tasrif al-Asma wa al-Af’al. Beirut: Maktabah al-Maa’rif.
- Fatimah, B. (2003). Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif Teori dan Proses. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Idris Mansor. (2016). Pendekatan Terjemahan. Chapter in Asas Terjemahan dan Interpretasi (editor Haslina Haroon & Hasuria Che Omar). Pulau Pinang: Penerbit USM
- Kamus Besar Arab – Melayu Dewan (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mubarak, M. (1987). Qawaid Al-Lughah Al-‘Arabiah. Beirut: Dar al-Kutub al-Lubnan.
- Muhammad, B. (2000). ‘Ayun al-Sud. Beirut: Dar al-kutub al-Ilmiah.
- Musa, N. (1993). al-Adab al-Arabi wa Fununuhi. Amman: Markaz Ganim.
- Naguib M. (1961). al-Liss Wa’l Kilab. Kaherah: Maktabah Misr.
- Naguib, M. (2020). Khianat. Terjemahan Mohamad Hilmi Marjunit. Shah Alam: IBDE Ilham Sdn. Bhd.
- Syukri, A. (1967). Tajarub fi al-Adab wa al-Naqd. Kaherah : Dar al-Katib al-Arabi.
- Vinay, J. P & Darbelnet, J. 1958/ 1995. Comparative stylistics of French and English: A methodology for translation. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.